

### **STUDY OF THE NEEDS OF ACTIVE NURSES OF THE DARUSSYIFA' MALAYSIAN ISLAMIC MEDICAL ASSOCIATION ON THE OWNERSHIP OF MALAYSIAN SKILLS CERTIFICATE (SKM) IN RUQYAH TREATMENT**

#### **KAJIAN KEPERLUAN PERAWAT-PERAWAT AKTIF PERSATUAN PERUBATAN ISLAM DARUSSYIFA' MALAYSIA TERHADAP PEMILIKAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) DALAM PERAWATAN RUQYAH**

Ahmad Nasir Mohd Yusoff <sup>i</sup>, Ratna Roshida Ab Razak <sup>ii</sup>, Nik Rosniwati Ismail<sup>iii</sup>, Islam AHM Shafiqul <sup>iv</sup> & Muhammad Hannan Abdul Aziz <sup>v</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). ahmadnasir@upm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). ratna\_razak@upm.edu.my

<sup>iii</sup> Pelajar Sarjana, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). nikrosniwati@gmail.com

<sup>iv</sup> Pelajar Doktor Falsafah, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). islamahmshafiqul@gmail.com

<sup>v</sup> Pelajar Sarjana, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). hannanmuhd713@gmail.com

#### **Abstract**

*Traditional and Complementary Medicine (PTK) works hand in hand in caring for and treating patients according to strict rules and regulations based on codes of ethics and codes of practice for practitioners of traditional and complementary medicine. Many people accept the PTK method in an effort to treat, prevent, manage disease so that the Malaysian people are in the index of happiness and prosperity and good health including physical, mental and soul, in addition to receiving modern treatment from a royal or private hospital. The steps taken by the government to integrate health care and quality of life between PTK and modern medicine are appropriate and appropriate at this time. Under the supervision of the Malaysian Ministry of Health (KKM), there is a Traditional and Complementary Medicine Section (BPTK) with the aim of practicing CAR medical practitioners complying with the law, establishing collaborations with all agencies, providing professional PTK services, improving quality services and engineering important information related to Safe and guaranteed PTK for patients. The objective of the study is to identify the needs and interests of Darussyifa' nurses having a Malaysian Proficiency Certificate (SKM) and the implications if nurses do not have SKM. Methodology This study uses qualitative methods and literature by examining important documents related to Darussyifa' and the Human Proficiency Certificate as well as findings among Darussyifa' nurses and SKM builders. The results of the study show that a small number of nurses have SKM which is approved by the Malaysian Ministry of Health, efforts are being carried out to ensure that all knowledgeable nurses have SKM. DS nurses also understand the implications for nursing ethics and the importance of having SKM and complying with Deed 755 as well as being appointed by the Proficiency Development Department, Ministry of Human Resources, which is the agency responsible for developing the 'National Standard' in the field of 'Ruqyah Care (NOSS Ruqyah Care).*

**Keywords:** Active, Nurse, Darussyifa', SKM, Ruqyah.

<b>Abstrak</b>	<p><i>Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) berganding bahu dalam merawat dan mengubati pesakit mengikut kaedah dan peraturan ketat berdasarkan kod etika dan kod amalan untuk pengamal-pengamal perubatan tradisional dan komplementari. Orang ramai menerima kaedah PTK dalam usaha merawat, mencegah, mengurus penyakit agar rakyat Malaysia berada dalam indeks bahagia dan sejahtera serta kesihatan baik meliputi fizikal, mental dan jiwa, disamping mendapat rawatan moden dari hospital kerajaan atau swasta. Langkah diambil kerajaan mengintegrasikan penjagaan kesihatan dan kualiti hidup antara PTK dengan perubatan moden adalah tepat dan sesuai pada masa ini. Di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) bermatlamatkan pengamal perubatan PTK mematuhi undang-undang, mewujudkan kolaborasi dengan mana-mana agensi, menjadikan perkhidmatan PTK yang professional, meningkatkan perkhidmatan berkualiti serta merekayasa info penting berkaitan PTK yang selamat dan terjamin kepada pesakit. Objektif kajian bagi mengenalpasti keperluan dan kepentingan perawat-perawat Darussyifa' memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan implikasi sekiranya perawat tidak memiliki SKM. Metodologi Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kepustakaan dengan meneliti dokumen-dokumen penting berkaitan Darussyifa' dan Sijil Kemahiran Manusia serta temubual dalam kalangan perawat-perawat Darussyifa' dan pembangun SKM. Hasil kajian menunjukkan sebilangan kecil perawat memiliki SKM yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia, usaha-usaha sedang rancak dijalankan bagi memastikan semua perawat bertauliah memiliki SKM. Perawat DS juga memahami implikasi-implikasi terhadap etika perawatan dan peri penting memiliki SKM serta mematuhi Akta 755 sekaligus diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, yang merupakan agensi bertanggungjawab membangunkan 'Standard Kebangsaan' bidang 'Perawatan Ruqyah (NOSS Perawatan Ruqyah).</i></p> <p>Kata kunci: <i>Perawat, Aktif, Darussyifa', SKM, Ruqyah</i></p>
----------------	--

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengamal perubatan Islam dan perawat aktif Darussyifa' tidak terkecuali dalam mematuhi Akta 775. Selain Darussyifa', pengamal Perubatan Tradisional Melayu, Cina, India, Homeopati, Kiropratik, Osteopati turut terlibat. Keperluan pendaftaran sebagai pengamal perubatan yang diiktiraf dan memiliki SKM bagi mengelakkan dikenakan denda terhadap perawat atau salah tingkah laku sebelum, semasa dan selepas rawatan. Penguatkuasaan peraturan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) 2021 seperti yang diwartakan bermula 23 Februari 2021, melibatkan semua seksyen dan subseksyen Akta 755. Pada 1 Mac 2021 antara seksyen dikuatkuasakan meliputi seksyen 2,18,19, subseksyen 22(1), (2), (93), (4), (6), (10) dan (911), seksyen 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38,39,40,41 dan 62 Akta 775. Warga asing yang ingin mendaftar serta memberi perkhidmatan di Malaysia perlu memohon terlebih dahulu dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan perlu melalui proses penyaringan kelayakan sebelum memohon pas pengajian dengan Jabatan Imjeresen Malaysia dengan terma dan syarat yang ditetapkan. Kajian ini juga ingin melihat prospek keperluan perawat mendaftar di KKM sebagai pengamal perubatan Islam yang telah bermula sejak 15 Mac 2021 lalu, mengikut zon dan keperluan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Ringkasnya sebagai pengamal pengubatan Islam perlu memiliki SKM (NOSS) dan perlu juga berdaftar dengan KKM.

## **METODOLOGI**

Analisis kandungan artikel yang diterbitkan dilakukan untuk mengenalpasti etika dan amalan bagi perawat-perawat Darussyifa', hubungan antara keperluan mendaftar sebagai pengamal perubatan Islam komplementari dengan Akta 775 dan keperluan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia bagi mengiktiraf kelayakan pengamal perubatan Islam. Berdasarkan analisis penerbitan terpilih, artikel relevan dipilih dari pangkalan Google Scholar, laman sesawang KKM dan dokumen Undang-undang Malaysia, Akta 775, Perubatan Tradisional dan Komplementari, borang-borang rasmi serta SKM daripada laman sesawang Kementerian Sumber Manusia, dan Bahagian Jabatan Pembangunan Kemahiran. Percarian ini berdasarkan kata kunci termasuk keperluan pengamal perubatan Islam mendaftar dengan NOSS, KKM dan memiliki SKM, ancaman terhadap akidah tauhid, kesalahan kaedah tidak patuh Syariah dan memelihara Maqasid Syariah.

## **KEPERLUAN PERAWAT AKTIF DARUS SYIFA' TERHADAP SKM DAN RASIONALNYA**

### **Tidak Dikenakan Denda Maksimum**

Berdasarkan peruntukan undang-undang Malaysia berkaitan Akta 775 (Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari, 2016), seseorang yang bukan pengamal berdaftar tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung mengamalkan perkhidmatan (PTK). Kesalahan penalti pertama dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM30,000, atau penjara tidak lebih 2 tahun dan kesalahan seterusnya dengan denda tidak lebih RM50,000, atau penjara tidak lebih 3 tahun (Akta 755, 2016). Hukuman yang dikenakan tidak terhenti kepada dua kaedah di atas, malahan bagi pengamal perubatan yang tidak berdaftar, pihak mahkamah boleh menambah hukuman dalam subseksyen (2) untuk mencatat nama pengamal ini dan tidak membenarkan untuk berdaftar selama 2 tahun dari tarikh disabitkan kesalahan.

### **Memelihara Maqasid Syariah**

Perawat yang memiliki SKM dapat memahami dengan jelas keperluan Daruriyah (perkara asasi), Hajjiyat (keperluan hidup) dan Tahsiniyyat (penyempurnaan hidup). Sebagai contoh dalam situasi 'Daruriyat', Islam menekankan keperluan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda dan kaedah Islam yang dipraktikkan adalah dengan melaksanakan ataupun menegakkannya dan memastikan supaya ia terus berkekalan (Danial Zainal Abidin, 2015). SKM antara pilihan terbaik mengekalkan perawat dalam pengubatan dan perawatan dan menambah keyakinan masyarakat awam agar terus memelihara Maqasid Syariah ini.

### **Memelihara Akidah Tauhid Yang Benar**

Amalan Perawat berperanan memulih akidah pesakit disamping rawatan yang dijalankan. Pesakit mesti yakin bantuan Allah SWT sebagai 'Asyafi'. Allah SWT yang menurunkan penyakit dan Allah SWT juga yang menurunkan penawar atau ubatnya, bukan bomoh, dukun, pawang, bidan, doktor. Mereka ini hanya sebagai pemudahcara dan medium kesembuhan. Tersilap keyakinan boleh terpesong akidah dengan meletakkan makhluk ini sebagai 'penyembuh'. Perkara akidah ini patut diperbetulkan dan kadang terjadi perawat meletakkan harga atau menawar barangan produk keluaran mereka agar dibeli pesakit dengan alasan akan dapat kesembuhan segera. Jelas ia mengundang perlakuan syirik seolah produk mereka sahaja yang mujarab. Prosedur perubatan serta ubat-ubatan yang disebut oleh nabi SAW, disamping kaedah serta disiplin ilmu perubatan yang lain boleh digunakan selagi tidak bercanggah dengan akidah, syariat dan akhlak Islam (Amalan Pengubatan dan Perbomohan Islam, 2012).

### **Membezakan Antara Pengamal Perubatan Islam Yang Baik**

Pengamal yang memiliki SKM pasti berbeza dengan pengamal perubatan Islam atau agama lain. Disamping penilaian yang dilakukan sebelum SKM dikeluarkan, perawat perlu melalui tapisan pematuhan piawaian syariah 'i-Syifa' agar pegangan akidah, kefahaman etika merawat dan amalan perubatan tidak bercanggah dengan syariat, perlu mempunyai nilai

murni, akhlak dan agama, rendah diri, jaga solat, puasa, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan Allah SWT (Mazni Nawi, 2011). Keterampilan pengamal perubatan Islam dapat dilihat berbeza apabila memahami dan mematuhi Akta 775 yang sekaligus membentuk keperibadian dan akhlak sahsiah yang baik dalam perlakuan, tingkah laku dan tutur kata sepanjang rawatan berlangsung (Mahyuddin Ismail, 2017).

### **Penilaian Ketrampilan**

SKM adalah pelengkap kepada para perawat dan pengamal pengubatan Islam. Perawat terlebih dahulu perlu memiliki pengalaman merawat, lulus ujian praktikal dan teori serta memiliki sahsiah yang baik sebelum dinilai. Terdapat beberapa borang yang perlu diisi perawat bagi membolehkan penilaian ketrampilan dilaksanakan (Mohd, 2021). Borang-borang Permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) disediakan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia ini agak lengkap bagi menilai ketrampilan individu perawat. Maklumat diri, pengalaman dan pengetahuan dinilai dan perlu dilengkapi, bersama bukti resit pendaftaran, salinan kad pengenalan, notis pendaftaran dan penugasan PP-PPT, surat akuan pengesahan calon (calon dan PP-PPT), Salinan SKM yang dimiliki, surat perakuan pengalaman kerja dalam bidang kemahiran yang dipohon, carta organisasi tempat kerja, carta profil pekerjaan, borang penilaian ketrampilan calon PPT dan senarai bukti-bukti ketrampilan.

### **Mengesahkan Pengamal Perubatan Yang Layak dan Pakar**

Merujuk Buku Polisi PTK jelas menyatakan pengamal perubatan tradisional dan komplementari perlu menjalani sistem Pendidikan dan Latihan formal sebelum memiliki SKM ini. Semua pengamal perubatan Islam dan ilmu perbomohan perlu patuh kepada undang-undang negara yang sedang berkuatkuasa bagi menghindari salah laku dan pelanggaran etika pengubatan Islam atau perbomohan (Garis Panduan Amalan Pengubatan Dan Perbomohan Menurut Islam, 2012).

### **Memiliki Calon Kompetensi**

Melalui SKM, setiap perawat dinilai dengan pelbagai pendekatan bagi memastikan perawat berkelayakan dan sesuai merawat pesakit diakui memiliki kompetensi, antaranya penilaian portfolio, amali, pengalaman ketrampilan terdahulu dan teknik mengajar yang merangkumi kebolehan dalam rawatan fizikal lazim, sakit fizikal dan spiritual individu, sihir, emosi, masalah peribadi sederhana rumit dan bantuan ruqyah khidmat masyarakat dan penilaian pengetahuan melalui sesi soal jawab (Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, 2014).

### **Memiliki Pengetahuan Yang Baik**

Pengamal baik wajar memiliki pengetahuan perubatan baik dan mahir dengan bacaan ruqyah tertentu, sama ada melibatkan bacaan ruqyah pada penyakit fizikal, rohani, penggunaan herba atau di premis-premis baru, tapak pecah tanah, harta benda, pesakit di hospital, pesakit yang terlantar di rumah dan gangguan di tempat kerja atau pejabat. Ilmu perubatan yang dimiliki oleh pengamal perubatan juga berkaitan dengan rawatan terhadap jasmani seperti bacaan ruqyah pada penghidap penyakit batu karang, kencing manis, darah tinggi, sakit kepala, sendi, sakit perut, demam panas dan penyakit mata (Zainal, 2021).

### **Memberi Keyakinan Kepada Pengamal Perubatan Moden Terhadap Perubatan Tradisional dan Komplementari**

Dengan SKM ini menyakinkan peranan PTK dalam perubatan moden melalui maklumat dan bukti saintifik berkaitan dengan amalan atau kaedah perubatan tradisional dan komplementari, seterusnya meningkatkan keyakinan tersendiri kepada pengamal perubatan, kerjasama serta perkongsian bijak. Sebagai contoh melalui kolaborasi modul-modul perubatan tradisional dan komplementari dalam sesi Latihan Perubatan Moden atau kurikulum. Pengamal yang memiliki SKM, berdaftar dengan KKM, pengalaman rawatan,

testimonial pesakit yang baik pasti menambah nilai kepada perawat yang merawat pesakit yang datang.

### **IMPLIKASI TERHADAP ETIKA PERAWATAN**

Perawat yang mempunyai SKM secara tidak langsung berkait rapat dengan etika perawatan, kaedah, karakter perawat, hukum penggunaan ubatan atau herba, sentuhan kepada pesakit, bacaan ayat-ayat syariat dan perundangan. Apa yang pengkaji boleh simpulkan manfaat perawat memiliki Sijil Kemahiran Malaysia ini antaranya;

- i. Pusat Pengubatan Islam yang mempunyai perawat bertauliah, SKM dan diiktiraf KKM pasti menjadi rebutan berdasarkan kemahiran yang dimiliki dan tidak perlu menjalani latihan lagi yang melibatkan kos perbelanjaan tinggi kecuali kursus-kursus atas talian berskala kecil
- ii. Mudah diterima bekerja di mana-mana pusat perubatan Islam sekiranya ada menawarkan penjawatan kosong yang memerlukan tumpuan kerja rawatan sepenuh masa, separuh masa atau sambilan
- iii. Perawatan secara freelance - kemahiran yang diperolehi boleh digunakan untuk memberi perkhidmatan tanpa had dan pastinya perawat dengan SKM yang dimiliki memberi keyakinan kepada pesakit atau pelanggan
- iv. Perawat yang memiliki kemahiran rawatan dan pengubatan Islam, dengan kemahiran yang ada, kursus-kursus pengajian pengubatan Islam yang diikuti sehingga menerima pengijazahan, boleh membuka pusat-pusat rawatan kecil (PRK) dengan kebenaran minimum Pusat Pengubatan Islam Darussyifa' Malaysia
- v. SKM ini berkemungkinan besar bukan sahaja berfungsi dan berperanan dalam negara, negeri, wilayah dan daerah semata-mata, tetapi juga berpeluang diterima masyarakat antarabangsa apabila melihatkepakaran,kelayakan,keilmuan dan sijil-sijil kemahiran yang dimiliki perawat sama ada oleh badan-badan professional luar dan dalam negara (Izuan, 2021).
- vi. Dalam kes-kes di mahkamah, perawat juga boleh dilantik atau dijemput sebagai saksi pakar kerana memiliki SKM dan perlu bersedia hadir, seperti dalam kes-kes sihir forensik, santau, susuk dan saka apabila ada bukti pengakuan mangsa, kesan sihir, petunjuk,nama penyihir,bahan dan kaedah, lokasi bahan dan sifat bahan, pengakuan pesalah, amalan-amalan khusus dan saksi.

### **PERBINCANGAN**

Analisis kandungan kajian keperluan perawat aktif Persatuan Perubatan Islam Darussyifa' Malaysia bagi mendapatkan SKM dalam perawatan ruqyah amat penting terutama pada masa kini. Pada ketika ini, telah timbul semula permasalahan sihir, santau, saka, susuk, 'ain, gangguan terhadap pesakit, kes-kes pencabulan, perawat yang kurang mahir atau tidak bertauliah. Meskipun kehidupan masyarakat kini dipengaruhi penggunaan teknologi dan bersifat global tetapi unsur-unsur gangguan mistik masih terjadi. Maka di sini perawat-perawat pengubatan Islam terutama Darussyifa' merupakan petugas barisan hadapan bagi menangani isu mistik ini. Kepakaran dan pengalaman yang ada tidak memadai untuk menyakinkan masyarakat awam terutama pesakit yang hadir dalam kategori yang berpendidikan tinggi. Justeru dengan usaha yang dilakukan Persatuan Perubatan Islam Darussyifa' Malaysia untuk perawat-perawat Darussyifa' dan pengamal pengubatan lain memiliki SKM tepat pada masanya.

Berdasarkan pemerhatian, kajian terhadap dokumentasi seperti artikel-artikel jurnal, temubual, dan lain-lain, pengkaji melihat SKM wajar diserapkan kepada perawat-perawat aktif selain perlu mendaftar sebagai perawat dengan KKM. Situasi ini membuktikan hubungan kuat antara perawat aktif dengan SKM (Zainal, 2021).

Walau bagaimanapun beberapa isu berkaitan kredibiliti dan kelayakan pengamal perubatan Islam, apakah diiktiraf badan berautoriti seperti KKM, apakah bukti yang menunjukkan perawat Islam memiliki kelayakan mengubati orang lain, adakah bukti

saintifik produk yang dikeluarkan pusat perubatan Islam terjamin keselamatan, kebersihan atau status halal dan haram, apakah kesalahan yang dilakukan perawat boleh didakwa di mahkamah atau bagaimana hendak membuktikan secara forensik, kes-kes yang melibatkan sihir, santau, gangguan mistik di mahkamah, bagaimana pula dengan pusat-pusat rawatan perubatan Islam yang tumbuh macam cendawan dipantau dari sudut pendaftaran syarikat atau lain-lainnya, dan rawatan serta kaedah dan bahan yang digunakan perawat ini tidak bercanggah dengan syariat dan etika pengamal perubatan (Khadher Ahmad, 2014).

Maka hal inilah yang menjadi antara sebab setiap perawat terutama perawat-perawat aktif Persatuan Perubatan Islam Darussyifa' Malaysia perlu mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi mengelak prasangka negatif masyarakat awam dan pesakit yang mendapatkan rawatan (Mazni Naw, 2011; Mohd, 2021) Oleh yang demikian, Akta 755 yang diluluskan dan meminta semua perawat memiliki SKM ini akan mengembalikan kepercayaan dan keyakinan masyarakat, mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang serta yang paling utama adalah melayakkan perawat untuk merawat pesakit dengan Sijil Kelayakan Malaysia disamping ilmu dan kepakaran serta pengalaman perubatan yang sudah sebatu dalam diri setiap perawat.

### **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)**

Perawat dan pengamal perubatan Islam layak akan diberikan Persijilan Kemahiran Malaysia yang berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang sedia ada. Terdapat tiga skop Latihan yang perlu dilalui perawat sebelum diijazahkan SKM ini iaitu : (Mohd,2021)

- i. Latihan di Pusat tauliah
- ii. Latihan Berorintasikan Industri (SLDN)
- iii. Pertauliah berdasarkan pencapaian terdahulu (PPT)

Bagi melayakkan perawat memiliki SKM, banyak prosedur yang perlu dilalui dan dokumen-dokumen sebagai bahan bukti perlu dilengkapi dan direkodkan dalam Fail Portfolio setiap perawat, antara yang perlu dilengkapi adalah borang akuan sebagai ahli badan pengamal sebelum permulaan kuat kuasa akta (sebelum 1 Ogos 2016), sebagai ahli Darussyifa', perawat perlu mengisi di ruangan kosong dengan nama 'Darussyifa', bagi bidang amalan pengubatan Islam, dokumen dan bukti rawatan mengikut senarai penyakit, borang akuan pengalaman mengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf, borang maklumat pemohon (Borang A), Salinan kad pengenalan, borang permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal (Borang E).

Salinan kelayakan diiktiraf atau bukti kelayakan yang berkenaan, salinan transkrip atau bukti keayakan, borang akuan sebagai ahli badan pengamal perubatan lantikan KKM sebelum 1 Ogos 2016, borang pengesahan saringan i-Syifa', bayaran yuran RM100, dan semua dokumen ini perlu disahkan pegawai kerajaan pengurusan profesional (Gred 41/setaraf dan ke atas, pengamal undang-undang, pesuruhjaya sumpah/jaksa pendamai, pengetua/guru besar sekolah kerajaan, ketua kampung/penggawa/penghulu/ketua masyarakat/siding. Manakala (Sabah dan Sarawak), oleh ketua kaum/ketua anak negeri/kapitan/pemanca.

Syarat minima pengiktirafan rasmi adalah SKM4 Perawatan Ruqyah (Diploma) melainkan jika telah termasuk dalam pengecualian KKM. Bagi memastikan semua perawat mendapatkan SKM, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan Standard Kebangsaan untuk bidang Perawatan Ruqyah (NOSS Perawatan Ruqyah) iaitu Perawatan Ruqyah Tahap 3, Perawatan Ruqyah Tahap 4 dan Perawatan Perundangan Ruqyah Tahap 5 (JPK, Kementerian Sumber Manusia, 2021).

### **Persatuan Perubatan Islam Darussyifa' Malaysia**

Tidak lengkap sekiranya tidak dibincangkan peranan Persatuan Perubatan Islam Darussyifa' Malaysia. Darussyifa' diuruskan oleh Persatuan Perubatan, Pengubatan &

Kebajikan Islam Malaysia. Ia berperanan sebagai Pusat Rawatan, medan kuliah agama melibatkan kuliah pengubatan Islam, tajwid dan feqah. Turut diadakan majlis zikir dalam kalangan pelajar dan ahli Darussyifa' serta terbuka kepada orang awam, disamping berperanan sebagai saluran dakwah kepada bukan Islam, orang Islam dan aktif mengambil pelajar baru pada setiap tahun (Darussyifa' Malaysia, 2021)

Setakat ini bilangan pelajar yang sudah diijazahkan adalah seramai 10 ribu orang dengan setiap kali pengambilan sekitar 500 pelajar dan mempunyai 65 cawangan seluruh negara (Laporan Tahunan 2019. Mesyuarat Agong Ke-31). Lajnah Latihan dan Pembangunan telah diberikan tanggungjawab untuk memastikan pensijilan SKM berjalan lancar dengan gerak kerja awal mendokumentasikan Pengalaman Terdahulu Perawat (PPT) dengan menjadikan projek rintis melibatkan seramai 20 orang perawat dan semua perawat di negeri atau pusat rawaan kecil lain perlu bersedia (Minit Mesyuarat 5.6 Lajnah Latihan dan Pembangunan Darussyifa', 2020).

### **Pengamal Perubatan Memenuhi Standard Kompetensi Dan Akta 775**

Perawat aktif Darussyifa' dikenali ramai bukan hanya kemahiran, pengalaman perubatan dan bacaan ruqyah, rawatan herba semata-mata tetapi juga kepatuhan terhadap Akta 775 serta Peraturan Perawat Darussyifa' yang perlu dipatuhi perawat-perawat Darussyifa'. Apa yang diketahui masyarakat awam Darussyifa' ini juga sinonim dengan tokoh terbilang dan pengasasnya al Marhum Dato' Haron Din yang telah memenuhi diri beliau sendiri menjadi ukuran dan standard kompetensi.

SKM akan melengkapkan lagi pengamal perubatan Islam Darussyifa' disamping kepakaran anak murid yang mendapat didikan secara langsung (talaqqi dan bersanad) dan elemen-elemen sokongan lain yang agak mantap antaranya pengurusan pendaftaran dan pengajian serta penyediaan kurikulum yang teratur dan bersesuaian dengan keperluan semasa yang memang masyarakat perlukan, polisi ruqyah yang patuh syariah, sumber rujukan autoriti berdasarkan pengalaman dan kejayaan merawat pesakit oleh Dato' Haron Din, kajian-kajian ilmiah yang dilakukan oleh IPT Malaysia dan Luar Negara seperti Brunei, serapan rohani yang amat ditekankan, bukan mengharap imbuhan dan pujian, buku-buku rujukan yang dipraktikkan perawat dan terdapat juga perawat-perawat yang datang dari pendidikan tinggi sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah serta bertugas di sektor kerajaan atau swasta dengan portfolio yang mengagumkan (Farhah Zaidar, 2019).

Bukti keberkatan ilmu yang diajar, guru yang ikhlas pasti membentuk kemenjadian dan kualiti anak murid yang unggul yang mematuhi syariat Islam dan nasihat guru hingga bertambahnya pusat-pusat rawatan kecil atau PRK seluruh Malaysia termasuk Brunei (Muhammad Izuan bin Abd. Ghani, 2021).

### **Kelayakan Pengamal Perubatan Komplementari**

Kajian dilakukan Mohd Farhan Md Ariffin (2015), mendapati tahap pendidikan pengasas dan pengamal pengubatan Islam secara asasnya berada di tahap sekolah menengah sebelum menyambung atau menuntut ilmu daripada pengajar berkelayakan dalam bidang perubatan Islam dan sebahagian kecil mendapat Pendidikan formal dari institusi pengajian tinggi dalam negara, luar negara, diploma atau STPM, sekolah menengah, pondok dan sekolah rendah. Dan kajian juga menunjukkan ada yang berlatarbelakangkan agama dan sebaliknya. Maka perlu ada mekanisme tertentu selain kursus-kursus dan pengijazahan yang diterima juga adalah keperluan memiliki nilai tambah seperti SKM ini.

Situasi ini perlu difahami para perawat aktif yang bercita-cita pusat-pusat rawatan kecil medapat SKM ini kerana keperluan khidmat kepada masyarakat yang sentiasa memerlukan kaedah rawatan Islam. Tambahan lagi faktor penubuhan pusat-pusat rawatan Islam atas dasar berkhidmat, permintaan masyarakat, dakwah, kesedaran, persitiwa lalu, minat, keturunan, amanat, pembiayaan, kepuasan dan meringankan penderitaan pesakit yang tidak dapat dipulihkan melalui rawatan moden.

## KESIMPULAN

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) perlu dimiliki setiap perawat aktif Darussyifa' dan pengamal perubatan lain termasuk Melayu, Cina, India dan lain-lain sejajar dengan kewujudan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta755). Kemasukan amalan perubatan Islam dalam Akta755 ini disifatkan sebagai pengiktirafan tinggi serta ruang yang diberikan Kerajaan Malaysia terhadap fungsi perubatan Islam dalam meningkatkan kualiti kesihatan orang ramai seiring sumbangan perubatan moden. Masyarakat dan pesakit lebih yakin dan percaya untuk mendapat rawatan diri, membeli produk yang dijual, dan mengamalkan pesanan atau nasihat yang diberikan perawat kepada pesakit. Perawat pula akan lebih selamat membuka pusat-pusat rawatan dan menerima pelanggan yang datang berubat tanpa perlu risau dengan perundangan atau kesalahan melanggar etika pengubatan dan rawatan Islam.

Disamping perlu memantapkan ilmu perubatan dengan melalui Latihan dan program kemahiran di institusi yang diiktiraf seperti Persatuan Pengubatan Islam Darussyifa', melalui Latihan yang berorientasikan industri (SLDN) atau melalui pertauliahian pencapaian terdahulu (PPT) berdasarkan pengalaman lalu, kerja dan Latihan yang perlu dinilai oleh pegawai penilai kemudian disahkan pegawai pengesah luaran yang dilantik JPK bersama bukti-bukti ketrampilan. Institusi atau Persatuan Pengubatan Islam yang diiktiraf yang mempunyai perawat yang memiliki SKM berupaya melahirkan perawat mahir yang terlatih dan layak untuk merawat serta mempertingkatkan kredibiliti, visi dan misi institusi di mata masyarakat dan golongan yang memerlukan termasuk sektor industri dan komersial.

## RUJUKAN

### Buku

- Mahyudin Ismail. 2011. *Ahli Sihir Ke Tali Gantung*. Kuala Lumpur. PTS Millennia Sdn Bhd.  
 Danial Zainal Abidin. 2015. *Perubatan Islam Dan Bukti Sains Moden*. Publishing House Sdn Bhd. Batu Caves, Selangor.

### Jurnal

- Ahmad Najaa Mukhtar. 2018. *Fenomena Kepercayaan Dan Amalan Masyarakat Dalam Perubatan Islam Di Malaysia*. Jurnal Ushuluddin Adab Dan Dakwah, 1(2). Institut Agama Islam Al Mawaddah Warrahmah Kolaka.  
 Farhah Zaidar. 2019. *Dato Harun Din (1940-2016): Tokoh Pengamal Perubatan Islam Malaysia*. Jurnal Pengajian Islam, 12(2). Pusat Pembangunan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
 Khadher Ahmad. 2019. *Prognosis Masyarakat Muslim Terhadap Paradigma Pengubatan Islam Di Malaysia*. Jurnal Usuluddin, 47(2). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.  
 Khadher Ahmad. 2014. *Pusat Rawatan Alternatif Islam Di Malaysia : Analisis Terhadap Latar Belakang Pengasas Dan Isu Penggunaan Jin Dalam Rawatan*. Jurnal Usuluddin, Vol. 40, Kuala Lumpur: UM.  
 Mazni Nawati. 2011. *Skop Kelakuan Buruk Dalam Kod Kelakuan Professional. 1987. : Satu Analisis Menurut Etika Perubatan Islam*. Jurnal Undang-undang Masyarakat, Vol. 15. UKM.  
 Mohd Farhan Md Ariffin. 2015. *Pusat Perubatan Islam Alternatif Di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, Vol. 9.  
 Mohd Sabri Nasri. 2015. *Jenayah Sihir Di Malaysia : Permasalahan Dan Cadangan Perlaksanaan Undang-Undang*. Jurnal UM, Vol. 15. Kuala Lumpur.  
 Nurmarlina Mohamad Lutpi. 2021. *Perubatan Alternatif Islam : Satu Analisis Kefahaman Di Kalangan Para Pelajar*. Jurnal BITARA, 4(2). Kuala Lumpur: UM.



### **Tesis**

Nurfariatukiman. 2018. Universiti Putra Malaysia. *Pembentukan Kepakaran Melalui Pendidikan Professional Lanjutan Dalam Kalangan Pakar Perubatan Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah.

### **Seminar**

Syed Hadzrullathfi. 2017. *Pembangunan Standard Pengukuran Pematuhan Syariah Bagi Pengamal Perubatan Tradisional Dan Komplementari*. 2<sup>nd</sup> Nusantara Conference On Medical Issues From Islamic Perspective.

### **Akta & Garis Panduan**

Akta 775, Akta Perubatan Tradisional Dan Komplementari. 2016.

Dasar Perubatan Tradisional Dan Komplementari Kebangsaan. Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari. Kementerian Kesihatan Malaysia 2001-2003

Garis Panduan Dan Borang Pendaftaran Pengamal PT & K

Garis Panduan Permohonan Pembantu Pengamal PT & K Warga Asing Infografik Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari. <https://jpkmalaysia.com/kelebihan-sijil-kemahiran-malaysia/>

Laporan Tahunan 2019. Mesyuarat Agong Ke 31. Persatuan Perubatan, Pengubatan Dan Kebajikan Islam (Darussyifa’).

Pindaan Garis Panduan Perkhidmatan PT&K Penjagaan Tradisional (PTP)

### **Temubual**

Dr. Zainal bin Zainal Abidin. Pengurus Pusat Rawatan Kecil (PRK) Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. 24 April 2021.

Dr Muhammad bin Omar. Ketua Lajnah Pembangunan dan Penyelidikan. Pusat Rawatan Kecil (PRK) Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. 24 April 2021.

Ustaz Muhammad Izuan bin Abd. Ghani. Perawat Aktif, Pusat Rawatan Kecil (PRK) Bandar Baru Salak Tinggi. Sepang, Selangor. 24 April 2021.

### **Internet**

Jabatan Pembangunan Kemahiran. Pendaftaran dan Persijilan. [https://www.dsd.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=426&catid=123](https://www.dsd.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=426&catid=123) (diakses pada 1 Jun 2022).

Jabatan Pembangunan Kemahiran. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). <https://www.dsd.gov.my/index.php/perkhidmatan/sijil-kemahiran-malaysia-skm> (diakses pada 1 Julai 2022).

Darussyifa’ Malaysia - Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam Malaysia. <https://www.darussyifa.org/> (diakses pada 1 Ogos 2022).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*